

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2009/2010

November 2009

**YKT 101 – Pengantar Komunikasi Manusia**

Masa: 3 jam

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan **SATU (1)** di Bahagian A adalah wajib.  
Jawab **DUA (2)** soalan lain; **SATU (1)** pilihan di setiap bahagian.

Sumbangan markah untuk setiap soalan adalah seperti yang dinyatakan.

**BAHAGIAN A (Wajib)**

1. Beri takrifan dan huraian beserta contoh-contoh yang relevan EMPAT (4) daripada perkara-perkara berikut:
  - (a) Empat bahagian diri mengikut Tetingkap Johari
  - (b) Hipotesis Sapir-Whorf dan Tangga Abstraksi
  - (c) Skemata dan Skrip
  - (d) Teori Tarikan
  - (e) Konteks Budaya Rendah dan Konteks Budaya Tinggi
  - (f) Komunikasi Menegak dan Komunikasi Ke bawah dalam organisasi

(40 markah)

**BAHAGIAN B (Jawab satu soalan)**

2. Komunikasi berlaku dalam konteks tertentu. Bincangkan dimensi-dimensi konteks komunikasi dengan memberi contoh-contoh yang relevan dalam budaya anda.

(30 markah)

3. Jelaskan tentang lima (5) peringkat dalam model pencerapan beserta contoh-contoh yang sesuai.

(30 markah)

4. Huraikan aspek kehampiran jarak dan kewilayahahan dalam ruang yang dikaji oleh Edward T. Hall (1959, 1963, 1976) dan impaknya ke atas komunikasi manusia.

(30 markah)

**BAHAGIAN C (Jawab satu soalan)**

5. Huraikan tentang enam pendekatan yang digunakan oleh kumpulan penyelesaian masalah yang dikemukakan oleh John Dewey (1910) dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.

(30 markah)

6. Jelaskan bagaimana lebihan beban maklumat boleh berlaku dalam sesebuah organisasi dan kesan-kesannya ke atas pengurusan organisasi berkenaan.

(30 markah)

7. Berdasarkan Model Penyelesaian Konflik dua dimensi yang dikemukakan oleh Kilman dan Thomas (1975), jelaskan tiga (3) daripada lima stail asas dalam menyelesaikan konflik.

(30 markah)